



KEMATIAN




LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Informasi dibawah mengandungi ciri utama produk, fi, manfaat dan lain-lain terma penting dan syarat supaya anda dapat membuat keputusan dengan berhemah sebelum membeli pelan ini.



Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk mendapatkan pelan perlindungan Kematian. Pastikan juga anda membaca Kontrak.

Kategori	Soalan Untuk Diri Sendiri	Jawapan Kami
 Manfaat Produk	Apakah produk ini?	Pelan perlindungan Kematian ialah pelan bertempoh diperbaharui setiap tahun yang melindungi kematian anda.
	Apakah manfaat-manfaatnya?	Apabila kematian berlaku, amaun perlindungan anda akan dibayar kepada benefisiari anda.
	Berapa lamakah tempoh perlindungan?	Perlindungan Kematian bertahan selama 1 tahun. Ia diperbaharui setiap tahun sehingga anda mencapai umur 100 tahun.
 Premium, Kesyukuran, Fi dan Caj.	Berapa banyak premium yang perlu saya bayar?	Premium dikira berdasarkan umur, jantina dan pekerjaan anda. Anda hanya bayar apa yang anda perlu, oleh itu premium anda berubah mengikut peningkatan umur. Untuk mengetahui premium semasa dan premium masa depan anda, sila rujuk kepada <ol style="list-style-type: none"> Notakaki A: Kadar Premium Notakaki B: Jumlah Premium <p>Nota: kadar premium <u>tidak</u> dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula kadar premium dengan memberi anda 30 hari notis awal. Anda harus yakin bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah jumlah yang anda mampu.</p>
	Apakah Kesyukuran?	10% daripada premium anda merupakan Kesyukuran dimana ia adalah pemberian kebajikan anda untuk menaja kumpulan pendapatan teramat rendah mendapatkan Insurans Tajaan.
	Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?	Tiada fi dan caj yang perlu dibayar.
	Bilakah perlindungan saya bermula?	Perlindungan anda bermula dengan serta merta sebaik sahaja bayaran premium berjaya. Pelan ini tiada tempoh menunggu.

 <p>Had Perlindungan</p>	<p>Apakah pengecualian utama?</p>	<p>Pelan ini tidak melindungi kematian akibat membunuh diri dalam tempoh tahun pertama daripada tarikh perlindungan bermula.</p>
 <p>Tuntutan</p>	<p>Bagaimana penama saya membuat tuntutan?</p>	<p>Penama anda boleh membuat tuntutan di hospital panel yang menguruskan kematian anda dengan mengikuti panduan langkah demi langkah dalam aplikasi DearTime kami. DearTime akan berurusan secara langsung dengan hospital panel sebelum menandatangani tuntutan yang telah diluluskan ke akaun bank anda.</p> <p>Penama anda juga boleh menghantar bukti tuntutan melalui aplikasi DearTime.</p>
 <p>Lain-lain</p>	<p>Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama?</p>	<ol style="list-style-type: none"> Kepentingan Pendedahan: anda mesti mendedahkan semua fakta material dan maklumat yang betul. Sebarang pendedahan palsu mungkin menyebabkan tuntutan ditolak. Tempoh Pembatalan: anda ada 15 hari daripada tarikh kontrak untuk membatalkan perlindungan dan mendapat bayaran balik penuh. Cukai Kerajaan: premium dibayar adalah tertakluk kepada cukai semasa yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia. <p>Nota: sila rujuk pada <u>Kontrak</u> untuk senarai terma dan syarat yang penuh.</p>
	<p>Bolehkah saya batalkan perlindungan saya?</p>	<p>Anda boleh batalkan perlindungan anda pada bila-bila masa. Sekiranya anda batalkan selepas tempoh pembatalan, perlindungan anda tamat pada tarikh seterusnya premium patut dibayar dan tiada bayaran balik premium tertunggak.</p> <p>Perlindungan anda tamat serta merta sekiranya premium tidak dibayar semasa tempoh tangguh.</p>
	<p>Apakah patut saya buat sekiranya butiran hubungan dan peribadi saya berubah?</p>	<p>Adalah penting anda pastikan butiran hubungan anda dikemas kini dalam akaun DearTime supaya anda menerima semua notifikasi penting.</p> <p>Adalah juga penting untuk anda memberitahu kami sekiranya ada perubahan dalam pekerjaan atau aktiviti masa lapang anda.</p>
	<p>Dimanakah boleh saya mendapat maklumat lanjut?</p>	<ol style="list-style-type: none"> Sembang Langsung: di aplikasi dan laman web DearTime Tentang DearTime: www.deartime.com <p>DearTime Berhad (1309554-D) 2-07-01, Level 7 Plaza Bukit Jalil, Jalan Persiaran Jalil 1, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia. Talipon: +603 8605 3511 Emel: help@deartime.com</p>
	<p>Adakah anda menawarkan pelan-pelan lain seperti ini?</p>	<p>Tiada.</p>

NOTA PENTING:

MEMBELI PERLINDUNGAN INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS PERLINDUNGAN YANG TERBAIK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PATUT BACA DAN FAHAMI KONTRAK DAN HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah sah pada [{current_date}](#).

Semua produk insurans hayat yang ditawarkan oleh DearTime mengunderaitan dan dikuatkuasakan oleh DearTime. DearTime ialah peserta yang diluluskan dalam Pendekatan Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (Sandbox) Bank Negara Malaysia untuk menjalankan ujian model perniagaan insurans hayat digitalnya. Setelah tamat tempoh ujian Sandbox, DearTime akan dikehendaki mendapatkan lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk terus menjalankan perniagaan insurans hayat digitalnya.

NOTAKAKI A:

< **Bulanan atau Tahunan** > Kadar Premium untuk setiap RM1,000 Amaun Perlindungan

Umur	Amaun Premium

NOTAKAKI B:

< **Bulanan atau Tahunan** > Jumlah Premium Yang Anda Bayar